

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT

SOALAN:

YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jadual pembinaan seksyen jalan 'coastal highway' yang merupakan sebahagian jalan Pan Borneo dari Tuaran, Kota Belud ke Kudat mula dilaksanakan dan bilakah ianya dijangka siap.

JAWAPAN:

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jalan Pesisiran Tuaran – Kudat ialah sebahagian daripada skop Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sabah. Jajaran Jalan Pesisiran Tuaran – Kudat telah melalui proses Makmal Pengurusan Nilai pada bulan September 2016 yang lalu. Berdasarkan makmal tersebut, ia akan melalui Tuaran – Kota Belud – Kota Marudu – Rampayan Laut – Sarang – Temunoi – Bingolon – Simpang Mengayau di Kudat sepanjang 123.5km. Fasa pembinaan dirancang akan dimulakan mulai bulan Mei 2017, iaitu setelah proses reka bentuk terperinci disiapkan oleh pihak juru perunding. Manakala tempoh siap keseluruhan projek ini ialah selama 36 bulan.

Sekian. Terima kasih.